

**Bukan pilihan raya songsang'**  
**Berita Harian Online**  
**Ogos 18, 2011**  
**Oleh Wan Jailani Razak**

### **Penubuhan Jawatankuasa Pemilih Parlimen bagi lakukan reformasi: PM**

KLANG: Datuk Seri Najib Razak menegaskan keputusan kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Pemilih Parlimen bagi melakukan reformasi pilihan raya bukan bermakna pilihan raya di negara ini songsang, sebaliknya ia mencerminkan keikhlasan kerajaan untuk melakukan pembaharuan supaya pilihan raya dilihat bersih dan adil.

"Ini bukan pengakuan tidak langsung yang pilihan raya songsang dalam negara kita. Jika songsang, kita tak 'serah' Selangor kepada pembangkang. Kita kalah pada pilihan raya lalu, tetapi kita pinjamkan sementara saja kepada pembangkang.

"Kita boleh melakukan yang terbaik dan memperbaiki proses pilihan raya. Kita tidak takut pembaharuan, tetapi ingin memastikan siapa yang memerintah negara mesti berasas kepada kehendak rakyat sebenar," kata Perdana Menteri pada majlis berbuka puasa bersama rakyat di Pangsapuri Seri Perantau, Selat Klang di sini, semalam.

Najib berkata, sebagai Perdana Menteri beliau berasa amat bertuah kerana penduduk di negara ini hidup dalam keadaan aman dan harmoni, berbanding rakan sejawatannya di United Kingdom yang baru-baru ini berdepan rusuhan.

Sehubungan itu, beliau mengajak rakyat agar tidak memperkecilkan keamanan dan keharmonian yang dikecapi sekarang.

"Saya dapat rasakan perasaan rakan saya, PM (Perdana Menteri) Britain (David Cameron) yang berdepan dengan rusuhan, bukan sekali, tetapi beberapa hari dalam sebuah negara yang dulunya menjajah kita yang dianggap sebagai negara yang membawa kepada amalan demokrasi berparlimen.

"Bagaimanapun, PM Britain hari ini menyatakan bahawa masyarakat dia sudah dinodai dengan akhlak membawa kepada masyarakat yang banyak penyakit," katanya.

Selepas berbuka puasa dan mengerjakan solat Maghrib di Surau An-Nur, Najib kemudian ke Masjid As-Syaadah di Bandar Sultan Sulaiman untuk menunaikan solat Isyak dan Tarawih berjemaah.

Sementara itu, di PUTRAJAYA, Najib semalam memilih sepasang pakaian rasmi sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-54 yang ditunda ke 16 September ini, serentak dengan sambutan Hari Malaysia, tahun ini.

Pakaian yang dipilih itu, masing-masing satu bagi pakaian lelaki dan wanita adalah daripada tiga rekaan pakaian lelaki dan wanita oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang diperagakan kepada Perdana Menteri di sini.

Antara yang turut menyaksikan rekaan itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, beberapa anggota jemaah menteri dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

© Hak Cipta Terpelihara 2011 - Berita Harian Sdn. Bhd.

Source: [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Bukanpilihanrayasongsang\\_/Article](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Bukanpilihanrayasongsang_/Article)